

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA TAMPAR INSTUN VS ILKKM

Satu perlawanan persahabatan bola tampar telah berlangsung pada sebelah petang 12 Februari sejeurus selesai kunjungan hormat ke Pejabat Pengarah ILKKM. Perlawanan persahabatan yang penuh dengan semangat kesukanan antara warga INSTUN dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Sungai Buloh baru-baru ini bukan sahaja menjadi medan untuk menguji kemahiran dan kecergasan, malah turut mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua-dua institusi.

Kedua-dua pasukan mempamerkan aksi yang bertenaga dan komitmen tinggi sepanjang perlawanan, disaksikan oleh para penyokong yang memberikan sorakan padu. Suasana yang harmoni dan semangat berpasukan jelas terserlah, mencerminkan nilai kerjasama dan persahabatan yang ingin dipupuk melalui program seumpama ini.

Pihak INSTUN merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ILKKM Sungai Buloh atas layanan mesra serta penganjuran yang begitu baik. Semoga hubungan yang terjalin ini akan terus berkekalan dan kita berpeluang untuk bertemu kembali di gelanggang pada masa akan datang.



